

25 JUN 1997

Inet-Magaziner

AMERIKA DAPATKAN PANDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PERDAGANGAN ELEKTRONIK

KUALA LUMPUR, 25 Jun (Bernama) -- Amerika Syarikat kini sedang berusaha mendapatkan pandangan antarabangsa bagi pelaksanaan perdagangan elektronik (E-Commerce) menerusi Internet termasuk daripada kerajaan Malaysia dan Singapura, kata Penasihat Kanan Presiden Amerika mengenai Dasar Umum, Ira Magaziner.

Beliau berkata Presiden Bill Clinton akan mengumumkan strategi baru E-Commerce di White House pada 1 Julai. Deraf laporan strategi itu diedarkan menerusi Internet sejak Disember lepas untuk mendapatkan ulasan daripada orang ramai.

"Kami akan mengadakan perbincangan dengan kerajaan dan sektor swasta di seluruh dunia untuk cuba membangunkan rangka kerja bersama dalam beberapa tahun akan datang untuk membolehkan perdagangan elektronik berkembang," katanya.

Magaziner yang mengetuai Pasukan Petugas Antara Agensi Amerika mengenai E-Commerce berkata demikian dalam ucapan utama "Masa Hadapan Perdagangan Elektronik Global" di sidang pleno Inet '97 di Pusat Perdagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Beliau berkata dalam lawatannya ke sini, beliau telah mengadakan perbincangan dengan kerajaan Malaysia dan menyerahkan deraf dasar E-Commerce untuk diteliti.

"Kami rasa kami dapat belajar sesuatu daripada negara-negara seperti Malaysia dan Singapura yang faham tentang potensi Internet dan menyokong perdagangan elektronik," katanya kepada kemudian.

E-Commerce merupakan antara tujuh penggunaan penting Projek Koridor Raya Multimedia (MSC) yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

MSC ialah kawasan seluas 15 kilometer kali 50 kilometer khusus untuk multimedia dan teknologi maklumat terletak di selatan Kuala Lumpur.

"Kami tertarik dengan apa yang sedang diusahakan Malaysia dengan MSC memandangkan jauh ke hadapan," katanya.

Magaziner berkata kod perdagangan yang seragam adalah perlu memandangkan syarikat-syarikat mahu memastikan wujud iklim yang boleh diramal dalam melaksanakan perdagangan elektronik secara global.

"Kami sedang berusaha untuk mendapatkan persetujuan dari seluruh dunia daripada permulaan (E-Commerce) kerana beberapa peraturan tradisional tidak lagi sesuai dengan teknologi ini," katanya.

Beliau berkata strategi itu diadakan dengan harapan bahawa pengembangan perdagangan elektronik global hanya dapat dijalankan dengan sedikit campur tangan kerajaan.

"Campur tangan kerajaan, jikapun perlu, hendaklah paling minimum dan telus seperti menyediakan satu iklim perundangan dan peraturan yang seragam untuk menjalankan aktiviti-aktiviti," katanya.

Antara lain strategi E-Commerce akan menangani masalah cetak rompak dan melindungi kanak-kanak sebagai pengguna.

Ia juga mahu mewujudkan keseragaman percukaian barangan dan perkhidmatan yang dijaja menerusi Internet dan memastikan tiada percukaian baru bagi perdagangan elektronik. -- BERNAMA

HJ NI oba